

Ulama jangan sebar ajaran sesat, berbaur politik - Sultan Johor

BATU PAHAT 27 Mac - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar (**gambar**) mengingatkan golongan ulama supaya tidak menyampaikan ajaran sesat dan berbaur politik kerana tindakan itu akan mengelirukan masyarakat, malah meruntuhkan perpaduan agama, bangsa dan negara.

Baginda yang juga Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bertitah, ulama sepatutnya perlu mencurahkan bakti dengan menyebarkan ilmu dan memberi kefahaman agama kepada masyarakat.

"Namun suka saya ingatkan di sini supaya jangan pula ada ulama yang menyampaikan ajaran sesat



dan yang bertentangan dengan akidah Islam. Ada juga ulama yang cenderung kepada bidang politik

sehingga ceramah yang disampaikan menjadi medan untuk mengata, memfitnah dan mencaci orang lain.

"Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor menghalang mana-mana pihak daripada mengajar agama Islam tanpa tauliah bagi mengelak penyampaian ajaran sesat dan berbaur politik yang boleh memecahbelahkan rakyat," titah baginda ketika merasmikan Majlis Multaqa Ulama dan Ilmuan Darul Ta'zim Ke-2 di UTHM di sini, hari ini.

Titah baginda lagi, selain memberikan bimbingan dan ilmu agama, para ulama dan ilmuan juga sewajarnya menjadi contoh ke-

pada masyarakat dalam membudayakan Islam sebagai gaya hidup seharian.

Sultan Ibrahim menegaskan, gaya hidup Islam bukan terletak pada imej luaran sahaja, tetapi yang lebih penting adalah perlakuan dan sifat kerohaniannya.

"Islam itu bukan dinilai pada tinggi serbannya, panjang janggutnya, labuh tudung atau jubahnya tetapi lebih penting adalah lemah lembut tutur katanya; sopan santun perilakunya, luas ilmu pengetahuannya, kuat kesabarannya, suci hatinya, bersih tubuh dan pakaiannya; mudah didampingi dan menjadi contoh serta ikutan masyarakat di sekeliling-

nya," titah baginda.

Dalam pada itu, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, peranan ulama sebenarnya adalah selaras dengan peranan pemimpin iaitu kedua-duanya mempunyai hala tuju sama dalam mendorong masyarakat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

"Dalam situasi masyarakat pada hari ini, tugas membangunkan agama Islam kian mencabar apabila fahaman liberalisme, perbezaan mazhab, ekstremisme politik dan gejala masyarakat kini dengan sendirinya membuatkan para pemimpin serta ulama ter-panggil untuk menghadapi atau menanganinya.